

## **GARIS-PANDU BAGI MENANGGANI KES-KES MENGGANGU PERJALANAN METER, MEROSAKKAN METER, MELENCONG ATAU MENCURI TENAGA ELEKTRIK**

Tatacara berikut perlulah dibuat;

1. Semua penemuan mestilah dilaporkan kepada Yang Mulia Pengarah Perkhidmatan Elektrik dengan segera (melalui telefon) oleh pegawai yang mengetuai serbuan tersebut.
2. Ketua Unit Kesihatan, Keselamatan Kerja dan Alam Sekitar (HSE) perlulah dihubungi untuk turut menyaksikan kes-kes tersebut, serta mengambil bukti-bukti yang ada, jika serbuan tersebut pada asalnya dibuat tanpa kehadiran wakil dari Unit HSE.
3. Pemotongan bekalan elektrik adalah mandatori bagi kes-kes di atas. Kebenaran memotong bekalan elektrik perlulah diperolehi terlebih dahulu dari Yang Mulia Pengarah Perkhidmatan Elektrik dengan menggunakan telefon, SMS dan lain-lain;
4. Surat amaran kepada penghuni (atau pemilik) rumah / bangunan hendaklah dikeluarkan serta-merta semasa lawatan dan ditanda-tangani sendiri oleh pegawai yang mengetuai serbuan tersebut (kebenaran Yang Mulia Pengarah perlulah diperolehi terlebih dahulu, iaitu melalui panggilan telefon, SMS dan lain-lain);
5. Laporan penuh kejadian tersebut hendaklah disediakan oleh Unit HSE dan diserahkan kepada Yang Mulia Pengarah Perkhidmatan Elektrik tidak lewat 2 minggu dari tarikh serbuan.

Diluluskan oleh:

**Awang Musa bin Haji Metali**

**Pemangku Pengarah**

**Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Tarikh: 19hb Februari 2013 M bersamaan dengan 8hb Rabiulakhir 1434 H